






SIARAN AKHBAR

**INDEKS HARGA HARTANAH KEDIAMAN (RPPI)
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI SUKU KEDUA (Q2 2020)**

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) telah menerbitkan Indeks Harga Hartanah Kediaman atau *Residential Property Price Index* (RPPI) Negara Brunei Darussalam bagi suku kedua 2020. Indeks ini dihasilkan dengan data yang diperolehi daripada bank-bank di Negara Brunei Darussalam dan diterbitkan dengan kerjasama pihak Kementerian Pembangunan, khususnya Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCI).
2. Pada suku kedua tahun 2020, RPPI menunjukkan penurunan sebanyak 5.2% tahun-ke-tahun kepada 84.6 berbanding dengan suku kedua tahun 2019, dan penurunan sebanyak 7.1% berbanding dengan suku pertama tahun 2020.

Tempoh	Indeks (Q1 2015 = 100)	Perubahan (%)	
		Dari Q2 2019	Dari Q1 2020
Q2 2020	84.6	-5.2%	-7.1%





3. Berdasarkan data pinjaman bagi pembelian hartanah kediaman yang diperolehi daripada bank-bank, sebanyak 115 transaksi pembelian hartanah kediaman telah dicatatkan pada suku kedua tahun 2020 berbanding dengan 76 transaksi pada suku pertama tahun 2020. Kebanyakan daripada transaksi tersebut adalah bagi pembelian rumah *detached* (43.5%); diikuti oleh rumah berkembar atau *semi-detached* (26.1%); rumah teres (16.5%); pangsapuri (10.4%); dan tanah (3.5%).
4. Harga median bagi pembelian kesemua jenis hartanah kediaman pada tempoh suku kedua tahun 2020 adalah BND238,000. Ini menunjukkan penurunan sebanyak 8.5% berbanding dengan suku kedua tahun 2019, dan penurunan sebanyak 4.4% berbanding dengan suku pertama tahun 2020.

Harga median bagi pembelian rumah *detached* adalah BND247,500; bagi rumah berkembar atau *semi-detached* adalah BND272,000; bagi rumah teres adalah BND165,000; bagi pangsapuri adalah BND234,000; dan bagi tanah adalah BND80,200.

5. Indeks dan statistik yang diterbitkan adalah untuk maklumat umum sahaja. Orang ramai adalah dinasihatkan untuk tidak hanya bergantung kepada indeks dan statistik ini dalam menilai mana-mana hartanah kerana harga hartanah kediaman adalah berbeza tertakluk antarlainnya kepada lokasi, saiz tanah dan keluasan lantai.
6. Bagi maklumat lanjut, nota teknikal dan data terkini boleh didapati di laman web AMBD (www.ambd.gov.bn). Maklumat terkini mengenai RPPI juga akan dikeluarkan dari masa ke masa melalui akaun Instagram AMBD @autoriti_monetari.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Tarikh: 21 Safar 1442H/ 9 Oktober 2020M

Rujukan: AMBD/COMMS/3